

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

EKONOMI
KERTAS 2
2 ¼ jam
Dua jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Tulis **nama dan tingkatan** anda pada petak yang disediakan.
- 2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B**.
- 3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
- 4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini manakala jawapan **Bahagian B** ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
- 5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
- 6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
- 7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
- 8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Bahagian A**[60 markah]**Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Gambar berikut menunjukkan faktor pengeluaran di ladang kelapa sawit.



Bandingkan dua faktor pengeluaran tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (b) Bagaimana ekonomi Islam dapat mewujudkan keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jadual berikut menunjukkan penawaran telefon pintar pada bulan April dan bulan Mei di Firma A.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar ('000 unit)	
	April	Mei
RM2000	20	25

Terangkan penentu yang menyebabkan berlaku perubahan tersebut.

.....

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[6 markah]

- (d) Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan terhadap sesuatu barang.



- i) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Tafsirkan nilai keanjalan harga permintaan barang di 1(d)(i).

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

2 (a) Maklumat berikut berkaitan satu kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan

Encik Mohsin mempunyai baki RM3 500 dalam akaun semasa. Beliau telah mengeluarkan cek bernilai RM8 000 dan transaksi tersebut diluluskan oleh pihak bank.

Jelaskan kemudahan yang digunakan oleh Encik Mohsin tersebut.

[5 markah]

(b) Jadual berikut menunjukkan upah benar Encik Zakuan.

Tahun	Upah Wang (RM)	Harga Purata Barang (RM)	Upah Benar (unit)
2024	4 000	100	40
2025	4 000	125	X


(i) Hitung upah benar Encik Zakuan pada tahun 2025.

[2 markah]

(ii) Jelaskan kesan perubahan upah benar tersebut terhadap Encik Zakuan.

[3 markah]

(c) Gambar berikut menunjukkan penggunaan sebuah kereta.



Jelaskan faedah sosial apabila semakin ramai pengguna memilih jenis kenderaan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

(d) Jadual berikut menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Mesin (unit)	Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Marginal (unit)
1	0	0	-	-
1	1	10	10	10
1	2	22	11	Y
1	3	33	11	11
1	4	42	10.5	9
1	5	47	9.4	5
1	6	49	8.17	2
1	7	49	7	0
1	8	46	5.75	-3

(i) Berapakah nilai Y?

.....

.....

[1 markah]



(ii) Mengapakah firma memilih untuk beroperasi pada penggunaan buruh ke-3 hingga ke-7?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan ekonomi Malaysia.



Jelaskan sebab berlaku sedemikian?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi sebuah negara.

Bekas Setiausaha Perbendaharaan negara A menyatakan negara itu berdepan kemelesetan ekonomi, dengan kemungkinan dua juta rakyat akan kehilangan pekerjaan.

Sebagai Gabenor Bank Pusat, bagaimanakah anda menyelesaikan masalah tersebut?

[5 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara dua buah negara berbanding Ringgit Malaysia

Negara	Kadar Pertukaran Asing
Amerika Syarikat	USD1 = RM4.101
Britain	£1 = RM5.141

(Sumber: <https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/exchange-rates>, 26 Jun 2026)



(i) Berapakah nilai yang perlu dibayar dalam sebutan Ringgit Malaysia bagi setiap negara itu?

[2 markah]

- (ii) Tentukan negara yang menjadi pilihan bagi pengimport Malaysia untuk mengimport 200 unit barang tersebut. Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat multinasional.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Liew Chin Tong, berkata sudah tiba masanya ASEAN melahirkan lebih banyak syarikat multinasional sendiri di negara seperti Indonesia, Malaysia dan Singapura.

(Sumber: <https://www.bharian.com.my>, 11 Julai 2025)

Jelaskan dorongan kewujudan syarikat tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu platform digital

Kuala Lumpur – TikTok Shop yang memasarkan produk buatan Malaysia oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta jenama tempatan melalui TikTok Shop Mall mencatatkan pertumbuhan jualan lebih 130 peratus sepanjang Ramadan dan Aidilfitri tahun ini. Hal ini kerana pengguna dapat menemui produk yang relevan dan membuat pembayaran dengan kaedah secara online terus dalam aplikasi.

Sumber: diubahsuai daripada www.bharian.com.my 9 April 2026

- (a) Setujukah anda kaedah pembayaran tersebut mempunyai kelebihan. Jelaskan [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan situasi ini terhadap pasaran barangan kedai fizikal. [7 markah]
- (c) Kemunculan platform digital tersebut memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah pengurusan kewangan.

Pinjaman Peribadi Punca Golongan Muda Bankrap

PUTRAJAYA: Pinjaman peribadi menjadi punca utama kes [kebankrapan](#) khasnya membabitkan golongan muda di negara ini dengan 49.11 peratus atau 15,413 kes direkodkan sehingga tahun lalu. Golongan muda mudah tertarik dengan gaya hidup mewah dan kegagalan mengurus kewangan dengan baik menyebabkan mereka terjerumus dalam hutang pinjaman yang tidak dibayar hingga akhirnya menyebabkan diisytiharkan muflis.

Sumber diubahsuai daripada Berita Harian – 19 Januari 2025

- (a) Pada pendapat anda, mengapakah golongan berkenaan diisytiharkan muflis? [4 markah]
- (b) Bagaimanakah peranan kerajaan dalam menangani isu tersebut? [7 markah]
- (c) Cadangkan tindakan bagi mengelakkan diri anda daripada masalah tersebut. Beri huraian lanjut. [9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis potongan wajib

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merekodkan peningkatan jumlah caruman sebanyak 13.3 peratus kepada RM38.01 bilion pada suku pertama berakhir 31 Mac 2026 berbanding RM33.54 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu. Penyertaan berterusan ahli dalam simpanan sukarela, disokong oleh platform digital KWSP membolehkan caruman dibuat secara mudah dan lancar.

Sumber: diubahsuai daripada www.bharian.com.my 19 Mei 2026

(a) Jelaskan potongan wajib tersebut?

[4 markah]

(b) Jelaskan kesan terhadap pendapatan pekerja jika tiada paksaan dalam membuat potongan wajib oleh pihak kerajaan.

[7 markah]

(c) Perubahan caruman tersebut memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi. Jelaskan secara terperinci

[9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan pelaburan asing.

KUALA LUMPUR: Microsoft Corp yang komited untuk melabur AS\$2.2 bilion (RM10.5 bilion) di Malaysia sudah pasti merupakan rangsangan bagi menyuntik keupayaan teknologi negara dan muncul sebagai pusat inovasi yang terkemuka. Bagi memudahkan pemindahan teknologi daripada gergasi perisian Amerika Syarikat (AS) itu, kerajaan juga mesti melabur dalam menyediakan infrastruktur yang betul untuk membina ekosistem kritikal bagi menyokong pertumbuhan kecerdasan buatan (AI), sistem awan dan keupayaan keselamatan siber.

(Sumber: www.bharian.com.my , 27 Julai 2025)

(a) Mengapakah syarikat Microsoft Corp membuat pelaburan tersebut?

[4 markah]

(b) Situasi tersebut memanfaatkan kepada masyarakat tempatan. Jelaskan

[7 markah]

(c) Bagaimanakah institusi pendidikan dapat melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi untuk menyokong pelaburan tersebut. Huraikan secara terperinci

[9 markah]

-----KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT-----

